Issue
36
16 Jan
2021

# SEKILAS-INFO

**Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko**

MONTHLY NEWS OF STRATEGY, QUALITY & RISK

## *Sumbangsaran Majlis Dekan 2020; Mencorak strategi masa depan UNIMAS tahun 2021-2025*




**Sumbangsaran Majlis Dekan 2020 di Miri, Sarawak**

**OUR TEAM MEMBERS**

**DIRECTOR :**
PROF DR TARMIJI MASRON

**DEPUTY DIRECTOR :**
ASSOC PROF DR LEE NUNG KION
DR SHARIZAL HASHIM

**SNR ASSISTANT REGISTRAR :**
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

**SNR ASSISTANT ADMIN OFFICER :**
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

**SNR ASSISTANT INFO TECH OFFICER :**
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

**OFFICE SECRETARY :**
NUR AISHAH JORI

**SNR ADMIN ASSISTANT :**
NORISA MOHAMAD SAHARI

**ADMIN ASSISTANT :**
SITI AFIZAH JAMIL

**OPERATION ASSISTANT :**
ROZAIMI ANIS

**Miri** : Acara tahunan Sumbangsaran Majlis Dekan 2020 telah berlangsung pada 16-18 Disember 2020 bertempat di sebuah hotel terkemuka di Bandaraya Miri. Kesemua Pengurusan Kanan Universiti bersama-sama Dekan, Pengarah dan Ketua Pusat Tanggungjawab telah hadir.

Objektif dan tumpuan utama *retreat* pada kali ini ialah kepada Pelan Strategik 2021-2025 yang merupakan artikulasi pernyataan visi UNIMAS ke arah menjadi sebuah universiti global terkemuka di samping memperkukuhkan kedudukan UNIMAS di peringkat nasional dengan fokus sepenuhnya kepada kelestarian masa depan atau *sustainable future*.

Pelan Strategik 2021-2025 UNIMAS yang dilancarkan pada 19 Oktober 2020 lalu mempunyai lima (5) fokus strategik (SF) merangkumi lima belas (15) komitmen strategik (SC) dengan kebanyakan inisiatif akan mula dilaksanakan pada 2021. Di UNIMAS, proses membuat keputusan yang signifikan diserahkan kepada staf di pelbagai peringkat.

Menurut Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi, adalah penting proses perancangan dan pemantauan mengambilkira banyak kekangan dan cabaran masa kini. Oleh itu katanya, *retreat* kali ini telah diatur agar perancangan yang teliti serta penyampaian dan pemantauan pelaksanaan Pelan Strategik 2021-2025 tersebut dapat di atur-gerak bersama.

Komitmen dan inisiatif yang terkandung dalam Pelan Strategik akan menjadi dasar bagi perancangan tahunan dan peruntukan sumber kepada fakulti, institut dan bahagian dalam memaksimumkan usaha ke arah prestasi lebih tinggi sebagaimana dihasratkan.

Turut serta dalam sumbangsaran tersebut ialah Presiden PPAU, PPU, dan KESAUMAS serta wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP). Sumbangsaran kali ini turut disokong dengan kehadiran bersama CEO dan Pengurus Besar kedua-dua anak syarikat UNIMAS iaitu UNIMAS Business School (UBS) dan UNIMAS Holdings Sdn Bhd (UHSB).

## *THE World University Rankings 2021 by Subject* :
## UNIMAS listed in the *Life Sciences*, Ranked at 801+ in the world




**Kota Samarahan** : UNIMAS has been ranked in the 2021 *Times Higher Education* World University Rankings by Subject. The announcement by THE in London on 28 October 2020 has listed UNIMAS *Life Sciences* at 801+ in the world for the first time. Economics and Business together with Engineering and Technology remained listed at 601+ and 1001+ in the world.

There are 11 categories of subjects ranked by THE, namely Arts and Humanities, Business and Economics, Clinical, Pre-clinical and Health, Computer Science, Education, Engineering and Technology, Law, Life Sciences, Physical Sciences, Psychology and Social Sciences.

The subject tables employ the same range of 13 performance indicators used in the overall World University Rankings 2021, brought together with scores provided under five categories, namely:

1) Teaching: the learning environment
2) Research: volume, income and reputation
3) Citations: research influence
4) International outlook: staff, students and research
5) Industry income: innovation

However, the overall methodology is carefully recalibrated for each subject, with the weightings changed to suit the individual fields.

Heartiest congratulations to Faculty of Resource Science and Technology (FRST) and Institute of Biodiversity and Environmental Conservation (IBEC) for their consistent hard work and team effort in getting UNIMAS *Life Sciences* to the global stage. Well done to Faculty of Engineering (FENG) and Faculty of Economics and Business (FEB) for their continued listings. **Stronger Together.!**

## UKM anjur
## Bengkel Pengurusan Risiko




**Kota Samarahan** : Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM) telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Risiko yang dijalankan menerusi platform *google meet* pada 7 Disember 2020.

Penyertaan bengkel tersebut turut dipanjangkan kepada UNIMAS dan telah diwakili oleh Pn Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman, Penolong Pendaftar Kanan, Unit Pengurusan Risiko SQRC. Bengkel dikendalikan oleh YBhg Prof Dr Zaidi Isa, Pengarah ROSH-UKM.






## Mesyuarat Pentadbiran SQRC Bil.01/2021




**Kota Samarahan** : Melangkah masuk ke tahun baharu 2021, pastinya dipenuhi pelbagai cabaran dan ketidaktentuan ekoran pendemik Covid-19 yang masih lagi melanda dunia.

Pengarah SQRC dalam aluannya di Mesyuarat Pentadbiran SQRC Bil.01/2021 pada 13 Januari 2021 telah merakamkan penghargaan atas komitmen semua staf dengan pencapaian yang diperolehi sepanjang 2020. Mesyuarat pada kali ini turut menerima dan mengambil maklum pelaporan tahun 2020 disamping perancangan kalendar aktiviti tahun 2021 untuk semua unit iaitu, Unit Pengurusan Strategik, Unit Penarafan dan Sistem Pengurusan Maklumat, Unit Pengurusan Kualiti dan Risiko.

Pada kesempatan berkenaan juga diadakan majlis kesyukuran sempena tahun baharu selain penghargaan bagi meraikan semua staf SQRC. **We are SQRC.!**




## Majlis santai eratkan keluarga SQRC



**Kuching :** Satu majlis makan malam ringkas mengumpulkan keluarga SQRC telah diadakan pada 11 Disember 2020 di sebuah hotel terkemuka di Bandaraya Kuching. Hampir semua staf hadir bersama-sama pasangan dan keluarga masing-masing. Walaupun majlis diadakan secara sederhana, ianya telah menjadi titik tolak hubungan yang lebih erat terjalin antara keluarga SQRC. Diharap majlis santai begini akan diadakan lagi bagi memupuk semangat kekitaan dikalangan staf. ♥

## *Happy Birthday*



*Dayang Zuliana Abang Abdul Rahman*
*7 Disember*



*Prof Dr Tarmiji Masron*
*18 Disember*

# Our Events Calendar

## Disember 2020

| BIL | PERKARA | URUSAN / CATATAN | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1 | Mesyuarat JKPR | Bil.02/2020 Ke-4 | **02.12.2020** |
| 2 | Taklimat Sumbangsaran Majlis Dekan 2020 | Taklimat Khas kpd Pembentang | **02.12.2020** |
| 3 | Bengkel Pengurusan Risiko | Anjuran UKM | **07.12.2020** |
| 4 | Taklimat Sumbangsaran Majlis Dekan 2020 | Taklimat Khas kpd *Rapporteur* | **14.12.2020** |
| 5 | Sumbangsaran Majlis Dekan 2020 | Urusetia | **16-19.12.2020** |
| 6 | Taklimat Data MyMOHES *(Data Owner & System Developer)* | Taklimat Penyediaan & Penghantaran Data Modul Pelajar | **18.12.2020** |
| 7 | Penghantaran Data MyMOHES | Modul Pelajar COD 15.12.20 | **31.12.2020** |

## Januari 2021

| BIL | PERKARA | URUSAN / CATATAN | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1 | Laporan Pencapaian OBB - KPT | Program Operasi Pendidikan Tinggi | **6/1/2021** |
| 2 | Taklimat Data MyMoheS *(Data Owner & Sys-tem Developer)* | Taklimat Penyediaan Data Modul Staf, RDC, Institusi *cod 31.12.20* | **8/1/2021** |
| 3 | Mesyuarat Pentadbiran SQRC | Bil.01/2021 | **13/1/2021** |
| 4 | THE WUR 2022 | *Participation Masterclass* | **13/1/2021** |
| 5 | Laporan Kajian Semula Pengurusan QMS MS ISO 9001:2015 | Penghantaran Laporan (Jul-Dis 2020) | **15/1/2021** |
| 6 | Mesyuarat Ketua Strategi Fakulti | Bil.01/2021 Ke-4 | **27/1/2021** |
| 7 | Mesyuarat JSKU | Bil.01/2021 Ke-20 | **28/1/2021** |
| 8 | Penghantaran Data MyMOHES | Modul Staf, RDC, Institusi *cod 31.12.20* | **31/1/2021** |